

BERITA HARIAN

DATE: 12 / 09 / 2007

Pembangkang terdesak cuba jejas imej kerajaan

Rusuhan taktik politik cari isu memburukkan pemerintah: PM

Oleh Muhd Yusuf Abu Bakar
dan M Hifzuddin Ikhsan

KUCHING: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, parti pembangkang kini terdesak sehingga sanggup mencetuskan situasi tegang bagi memaksa polis bertindak tegas sebagai taktik untuk memburuk-burukkan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, apabila polis bertindak tegas dalam kejadian rusuhan di Terengganu malam Sabtu lalu, pembangkang menjadikannya isu untuk menyalahkan kerajaan.

"Kejadian itu adalah taktik politik pembangkang yang terdesak di Terengganu selepas Barisan Nasional (BN) berjaya membawa kemakmuran kepada rakyat negeri berkenaan berbanding ketika ia diperintah pembangkang.

"Ini adalah politik pembangkang, lima tahun BN memerintah Terengganu kita sudah berhasil membantu rakyat, sesuatu yang tidak mampu dibuat pembangkang, Terengganu bertambah baik berbanding dulu.

"Mereka tiada idea untuk majukan

negeri serta tiada peluang menang pada pilihan raya, sekarang mereka burukkan pula kerajaan," katanya pada sidang media di hotel penginapannya sebelum berlepas ke Singapura melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, semalam.

Abdullah tiba di sini kelmarin untuk bersama ribuan penduduk Sarawak menyambut perayaan Malaysia Merdeka di Stadium Negeri, Petra Jaya.

Dalam kejadian rusuhan di Batu

“Ini adalah politik pembangkang, lima tahun BN memerintah Terengganu kita sudah berhasil membantu rakyat”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Buruk, Terengganu, Sabtu lalu, empat anggota polis dan dua penyokong pembangkang cedera, manakala 23 orang dipercayai pengikut parti pembangkang ditahan.

Perdana Menteri berkata, pembangkang sememangnya mempunyai niat buruk kerana sudah bersedia untuk menghadapi tindakan polis, termasuk membawa bom api.

"Perkara ini tidak akan terjadi jika penganjur mematuhi arahan polis supaya tidak mengadakan ceramah berdekatan dengan istana. Penduduk juga sudah menyampaikan bantahan kepada polis kerana tidak mahu diganggu.

"Bagaimanapun, penganjur teruskan juga sehingga berlaku kejadian tidak diinginkan. Mereka mempunyai perancangan awal untuk meneruskan ceramah serta membawa bom berkenaan," katanya.

Abdullah berkata, kejadian itu dijadikan peluang untuk melemparkan tuduhan terhadap polis yang didakwa menggunakan kekerasan.

"Ini taktik lazim digunakan bagi mencetuskan situasi sehingga polis

terpaksa mengambil tindakan tegas. Ia digunakan untuk menyerang dan memburukkan kerajaan sedangkan polis mempunyai tanggungjawab menjaga ketenteraman," katanya.

Mengenai kejadian membakar Jalur Gemilang, Abdullah berkata: "Apa salah Jalur Gemilang sehingga dibakar? Itu bendera lambang negara.

"Mereka boleh menahan penyokong mereka daripada membakarnya, tetapi membiarkan kejadian itu... pembangkang ada niat tidak baik ketika rakyat lain bersyukur dengan sambutan kemerdekaan ke-50," katanya.

Perdana Menteri menyerahkan kepada polis untuk mengambil tindakan lanjut dan kerajaan tidak akan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk menahan mana-mana pihak.

Mengenai peruntukan RM8 bilion untuk Sabah dan Sarawak dalam Bajet yang diumumkan Jumaat lalu, Abdullah berharap peruntukan berkenaan dapat digunakan sebaik mungkin bagi memajukan kedua-dua negeri berkenaan.